

Kelab SLC USIM ziarah Indonesia

PROGRAM Kembara Ilmiah Kelab Syariah dan Undang-Undang (SLC), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ke Pekanbaru dan Padang, Indonesia pada penghujung Januari lalu banyak memberi pengalaman bernilai kepada 15 orang ahli kelab berkenaan.

Para peserta terdiri daripada pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU). Menurut ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM, Imran Razalle yang turut menyertai lawatan ini, program pengantarabangsaan berbentuk lawatan akademik (LA) ini memerlukan para pelajar melaksanakan pertukaran ilmu (transfer knowledge) dengan pusat pengajian terpilih yang dilawati semasa berada di sana.

Katanya, rombongan mereka diketuai oleh pensyarah pengiring, Dr. Setiyawan Gunardi.

Menceritakan lebih lanjut, Imran memberitahu, ketibaan delegasi dari USIM disambut ceria oleh urusetia Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA). Selepas sambutan itu, kesemua ahli rombongan dibawa ke hotel penginapan.

Dalam pada itu, katanya, pelbagai program berbentuk akademik diatur sepanjang lima hari empat malam berada di sana.

Program pertama ialah menyertai Forum Antarabangsa di Islamic Center UIN SUSKA. Forum yang dihadiri kira-kira 250 orang terdiri daripada mahasiswa, pensyarah dan kakitangan universiti terlibat dan ia bertujuan membincangkan perbandingan mengenai undang-undang, syariah dan adat kebudayaan antara dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia.

Ahli panel forum terdiri daripada pimpinan pelajar dan pensyarah UIN SUSKA serta tiga orang mahasiswa USIM iaitu Abdul Alim Abdul Aziz, Muhammad Kamil Yazid dan Atyrah Hanim Razali. TERNYATA, mereka berjaya memukau khalayak yang menonton dan kesemua peserta juga dibawa melawat sekitar UIN SUSKA.

"Institusi pengajian tinggi lain yang turut dikunjungi adalah Universitas Andalas (Unand). Kunjungan ini dilihat dapat membuka pemikiran baharu pelajar USIM dalam mendalami ilmu undang-undang, selain berpeluang melihat perbincangan dalam *moot court* dan bertukar-



LAWATAN yang dilakukan dapat mendedahkan peserta dengan budaya Indonesia di samping merapatkan hubungan kedua-dua universiti.

tukar informasi mengenai silibus pengajian, kepimpinan dan pendedahan maklumat mengenai undang-undang dua negara serumpun ini melalui sesi perkongsian dua hala," katanya kepada .com.

Imran juga berkata, setiap aktiviti yang dirancang sangat padat dengan ilmu dan mereka berasa sangat bertuah kerana mendapat peluang menyertai lawatan ini.

"Kunjungan ke Islamic Centre Bangkinang yang menjadi pusat aktiviti bagi masyarakat yang beragama Islam mengagumkan para peserta apabila dapat bersama-sama kanakanak seramai 100 orang yang berusia empat hingga tujuh tahun yang bersungguh-sungguh mendalami ilmu bacaan al-Quran dan ilmu

agama walaupun masih kecil.

"Lawatan ini juga membawa peserta ke perkampungan di Kelok 44. Keunikan masyarakat setempatnya adalah menanam padi bukit dan penduduknya bijak memanfaatkan kawasan lereng bukit dan sumber mata air semula jadi. Kedinginan Puncak Lawang dengan suhu sekitar 24 hingga 27 darjah celsius yang dikelilingi panorama bukit-bukau, tumbuhan hijau dan keindahan tasik dikenali Danau Maninjau amat memukau peserta," katanya.

Semasa di Bukit Tinggi, peserta dibawa menerokai Lobang Jepang iaitu salah satu destinasi wajib dilawati jika berkunjung ke Padang. Ia merupakan gua dan laluan bawah

Kunjungan ini dilihat dapat membuka pemikiran baharu pelajar USIM dalam mendalami ilmu undang-undang, selain berpeluang melihat perbincangan dalam *moot court* dan bertukar-tukar informasi mengenai silibus pengajian."

tanah yang dibina oleh tentera Jepun pada era Perang Dunia Kedua untuk dijadikan tempat persembunyian, penyimpanan senjata, harta rampasan dan sebagai lubang untuk mengintip aktiviti masyarakat setempat.

Lawatan itu juga dilihat secara tidak langsung membuka ruang kepada peserta untuk menyantuni dan mendekati sosio-budaya masyarakat setempat di Pekanbaru dan Padang khususnya masyarakat Kampar dan Minang yang sinonim dengan beberapa kawasan di Negeri Sembilan. Selain itu, ia dapat memberi ruang kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran insaniah dan pembangunan modal insan. - NEWS.